



GARIS PANDUAN

SAMBUTAN HARI KOPERASI SEKOLAH (HKS) 2026

PERINGKAT SEKOLAH

1.0 PENGENALAN

Hari Koperasi Sekolah (HKS) merupakan acara tahunan yang diraikan bagi mengiktiraf peranan koperasi dalam membangunkan murid dan warga sekolah. Bagi tahun 2026, HKS membawa tema:

**“Koperasi Sekolah:
Milik Bersama, Membina Kepimpinan dan Keusahawanan Madani”**

Tema ini mencerminkan peranan koperasi sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan yang dimiliki dan diurus secara kolektif oleh warga sekolah, berteraskan semangat kebersamaan, tanggungjawab bersama dan tadbir urus yang beretika. Melalui penglibatan aktif murid dalam pengurusan dan aktiviti koperasi, tema ini menekankan usaha membentuk kepimpinan berintegriti serta memupuk kemahiran keusahawanan yang berlandaskan nilai Madani seperti amanah, kerjasama, inovasi dan keprihatinan sosial. Seiring dengan bimbingan guru sebagai pemacu utama, koperasi sekolah berfungsi sebagai wadah pembelajaran berasaskan pengalaman yang melahirkan generasi pelapis kepimpinan dan keusahawanan yang berdaya saing, berakhlak dan bersedia menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat serta pembangunan negara secara mampan.

HKS 2026 merupakan komponen penting dalam penilaian **Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2026**, dengan peruntukan sebanyak **100% markah** daripada keseluruhan skor penilaian. Sehubungan itu, koperasi sekolah digalakkan melaksanakan aktiviti yang selari dengan tema sambutan serta berupaya memberi impak berpanjangan terhadap pembudayaan nilai dan amalan koperasi dalam kalangan murid. Tarikh pelaksanaan aktiviti sambutan HKS ini boleh dibuat mengikut takwim sekolah tetapi hendaklah tertakluk sepertimana tempoh pelaksanaan yang boleh bermula:

Tempoh Pelaksanaan : 1 Februari 2026 sehingga 3 Disember 2026.

2.0 OBJEKTIF SAMBUTAN HKS 2026

- 2.1 Memperkukuh kefahaman dan penghayatan murid terhadap konsep koperasi sebagai milik bersama berasaskan **Prinsip Koperasi Ke-1 dan Ke-2 (keanggotaan sukarela dan terbuka serta kawalan demokratik oleh anggota)**, bagi membentuk sikap tanggungjawab, kerjasama dan tadbir urus beretika dalam pengurusan koperasi sekolah.
- 2.2 Membina dan memperkasa kepimpinan murid melalui penglibatan aktif dalam pengurusan koperasi sekolah selaras dengan **Prinsip Koperasi Ke-5**

(pendidikan, latihan dan maklumat), sebagai platform pembelajaran berasaskan pengalaman yang membentuk keyakinan, disiplin dan keupayaan membuat keputusan secara berintegriti.

- 2.3 Memupuk kemahiran keusahawanan Madani dalam kalangan murid yang berorientasikan kesejahteraan komuniti, selari dengan **Prinsip Koperasi Ke-7 (prihatin terhadap masyarakat)**, bagi melahirkan generasi pelapis yang inovatif, bertanggungjawab sosial dan menyumbang kepada pembangunan mampan.

3.0 **PERHIMPUNAN KHAS HKS**

Perhimpunan khas sempena Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) 2026 hendaklah dilaksanakan dengan menekankan elemen pendidikan koperasi, kepimpinan dan keusahawanan Madani serta penglibatan aktif murid sebagai pelapis kepimpinan masa hadapan, selaras dengan peranan guru sebagai pemacu pembentukan sahsiah dan nilai Madani. Sehubungan itu, perhimpunan khas HKS merangkumi perkara-perkara berikut:

3.1 **Ucapan**

- a) Ucapan Pengetua/Pengerusi koperasi yang menekankan peranan koperasi sekolah sebagai platform pembelajaran berasaskan pengalaman dalam membentuk kepimpinan, keusahawanan Madani dan kesejahteraan komuniti sekolah.
- b) Perutusan khas ANGKASA yang disampaikan oleh murid sebagai simbol penglibatan aktif murid serta pemupukan keyakinan, kemahiran komunikasi dan kepimpinan.
- c) Penyampaian mesej pendidikan koperasi yang menekankan kepentingan budaya koperasi, nilai kerjasama dan tanggungjawab bersama dalam kehidupan seharian murid.

3.2 **Nyanyian Lagu ‘Sepakat Membina’**

- a) Murid dan warga sekolah dikehendaki menyanyikan lagu “**Sepakat Membina**” sebagai simbol semangat kebersamaan, perpaduan dan nilai koperasi yang menjadi teras pembentukan masyarakat Madani yang boleh didapati di laman web ANGKASA (www.angkasa.coop)
- b) Tayangan **video inspirasi kejayaan koperasi sekolah di Malaysia** sebagai medium motivasi bagi menyemai aspirasi kepimpinan dan keusahawanan dalam kalangan murid.

3.3 **Pembentangan Aktiviti HKS**

- a) Pengumuman dan penerangan ringkas mengenai **aktiviti Sambutan HKS 2026** yang akan dilaksanakan, dengan penekanan kepada pembangunan kepimpinan dan keusahawanan Madani. Penyertaan murid secara interaktif dalam sesi kuiz atau soal jawab mengenai **koperasi**.
- b) Penglibatan murid secara interaktif melalui **kuiz, soal jawab atau aktiviti refleksi** berkaitan koperasi bagi meningkatkan kefahaman, minat dan kesedaran terhadap peranan koperasi sekolah.

3..4 Jemputan Perasmi

Selain Pengetua atau pihak pentadbiran sekolah, koperasi sekolah juga boleh menjemput perasmi daripada agensi atau pihak berkaitan seperti wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (ANGKASA) sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau Negeri, serta mana-mana pihak lain yang difikirkan sesuai, tertakluk kepada kelulusan dan pematuhan prosedur jemputan rasmi yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

4.0 AKTIVITI BERTERASKAN TEMA HKS 2026

Setiap aktiviti yang dirancang sempena Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) 2026 hendaklah selari dengan tema sambutan serta menyumbang secara berkesan kepada pembudayaan nilai, prinsip dan amalan koperasi dalam kalangan murid. Pelaksanaan aktiviti juga perlu mengambil kira pembangunan murid secara holistik merangkumi aspek **ekonomi, sosial dan budaya**, sejajar dengan aspirasi keusahawanan Madani.

4.1 **Aktiviti Ekonomi (*Membina Kesejahteraan Ekonomi Murid*)**

a) **Jualan Produk Inovatif Koperasi**

Memberi peluang kepada murid mengurus dan melaksanakan aktiviti jualan produk koperasi secara kreatif dan inovatif bagi memupuk kemahiran keusahawanan serta kepimpinan.

b) **Bengkel Keusahawanan Berasaskan Koperasi**

Pendedahan kepada asas perniagaan koperasi yang menekankan nilai kerjasama, tanggungjawab bersama dan kesejahteraan kolektif selaras dengan prinsip Keusahawanan Madani.

c) **Pameran Kejayaan Koperasi Sekolah**

Memaparkan pencapaian dan amalan terbaik koperasi sekolah sebagai rujukan dan inspirasi kepada murid untuk membina aspirasi kepimpinan dan keusahawanan.

4.2 **Aktiviti Sosial (*Membina Kesejahteraan Sosial Murid*)**

a) **Program Kesedaran dan Khidmat Komuniti**

Pelaksanaan aktiviti sukarela koperasi sekolah yang menyumbang kepada kesejahteraan komuniti setempat serta memupuk nilai empati dan tanggungjawab sosial.

b) **Lawatan Pembelajaran ke Koperasi Sekolah Berjaya**

Memberi pendedahan secara langsung kepada pengurusan dan operasi koperasi yang mampan bagi memperkukuh kefahaman murid terhadap tadbir urus koperasi.

c) **Diskusi Koperasi**

Sesi forum atau perbincangan murid mengenai peranan koperasi dalam pembangunan kesejahteraan sejagat dan pembentukan masyarakat Madani.

4.3 Aktiviti Budaya (*Membina Kesejahteraan Rohani & Mental Murid*)

a) **Persembahan Seni Bertemakan Koperasi**

Aktiviti kreatif seperti deklamasi sajak, sketsa atau persembahan seni yang menzahirkan nilai, prinsip dan semangat koperasi.

b) **Pertandingan Mencipta Poster dan Video**

Menggalakkan ekspresi kreatif murid dalam menyampaikan mesej tema HKS 2026 serta memupuk pemikiran kritis dan inovatif.

c) **Kuiz Interaktif Koperasi**

Pelaksanaan kuiz atau sesi soal jawab berkaitan prinsip, nilai dan amalan koperasi bagi meningkatkan kefahaman serta penglibatan aktif murid.

5.0 AKTIVITI BONUS: PENGAMALAN PRINSIP KE-7 KOPERASI MELALUI PENANAMAN POKOK

Sebagai usaha menyemai kesedaran terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar selaras dengan **Prinsip Ke-7 Koperasi: Prihatin terhadap Komuniti**, koperasi sekolah digalakkan melaksanakan aktiviti bonus berbentuk pemeliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) 2026. Pelaksanaan aktiviti ini juga menyokong pembentukan nilai keusahawanan Madani yang menekankan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Antara aktiviti yang dicadangkan adalah seperti berikut:

a) **Kempen “Satu Anggota, Satu Pokok”**

Setiap ahli koperasi digalakkan menanam atau memelihara sekurang-kurangnya satu pokok sebagai simbol komitmen terhadap kelestarian alam dan tanggungjawab sosial.

b) **Program Hijau Sekolah**

Pelaksanaan aktiviti gotong-royong menanam herba, pokok hiasan atau tanaman bermanfaat di kawasan sekolah bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang hijau, sihat dan kondusif.

c) **Laporan Penanaman Pokok**

Setiap koperasi sekolah perlu menyediakan laporan ringkas pelaksanaan aktiviti penanaman pokok sebagai sebahagian daripada dokumentasi rasmi Sambutan HKS 2026 dan eviden pengamalan Prinsip Ke-7 Koperasi.

6.0 PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN PERINGKAT SEKOLAH

Sebagai galakan kepada penglibatan aktif dan komitmen berterusan dalam pembangunan koperasi sekolah, pihak sekolah digalakkan memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada murid serta guru yang menunjukkan prestasi cemerlang dan

sokongan berterusan terhadap koperasi sekolah, selaras dengan aspirasi melahirkan pelapis kepimpinan keusahawanan Madani.

a. Anugerah Koperator Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada murid yang menunjukkan penglibatan aktif, komitmen berterusan serta kepimpinan yang cemerlang dalam pengurusan dan pelaksanaan aktiviti koperasi sekolah.

b. Anugerah Guru Pembimbing Koperasi Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada guru yang memainkan peranan signifikan sebagai pembimbing dan pemudah cara dalam memperkasakan koperasi sekolah, khususnya dalam membentuk kepimpinan, keusahawanan dan sahsiah murid selaras dengan nilai Madani.

c. Penghargaan Murid dan Guru dengan Langganan Koperasi Tertinggi

Penghargaan ini diberikan kepada murid dan guru yang mencatatkan langganan koperasi tertinggi sebagai pengiktirafan terhadap sokongan aktif mereka terhadap koperasi sekolah, sekali gus menggalakkan pembudayaan koperasi sebagai model ekonomi inklusif dan mampan di peringkat sekolah.

7.0 KANDUNGAN LAPORAN

Laporan Sambutan HKS hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:

a) Pengenalan dan Objektif

Menghuraikan latar belakang sambutan HKS serta menghubungkaitkan tema sambutan dengan objektif dan impak yang dihasratkan terhadap pembangunan murid.

b) Perincian Aktiviti Sepanjang HKS

Menjelaskan secara ringkas dan tersusun aktiviti yang telah dilaksanakan, termasuk bagaimana aktiviti tersebut menyumbang kepada pembudayaan nilai, prinsip dan amalan koperasi dalam kalangan murid.

c) Analisis Keberkesanan (Impak)

Membuat refleksi terhadap tahap keberkesanan pelaksanaan sambutan HKS, khususnya sejauh mana koperasi sekolah berfungsi sebagai platform pendidikan dan pembangunan sosial murid.

8.0 BENTUK LAPORAN VIDEO

Laporan Sambutan HKS hendaklah disediakan dalam **bentuk video pendek berdurasi antara 5 hingga 10 minit**. Video laporan tersebut perlu memaparkan secara visual dan naratif aspek **perancangan, pelaksanaan serta impak** aktiviti HKS terhadap murid dan warga sekolah. **Elemen kreativiti, penglibatan murid dan keselarasan dengan tema sambutan** akan diambil kira dalam penilaian.

a) Cara Penghantaran:

Video laporan hendaklah dimuat naik ke platform digital yang ditetapkan oleh pihak penganjur (seperti Google Drive, YouTube tidak tersenarai atau platform rasmi yang dimaklumkan), dan **pautan video** perlu dikemukakan bersama borang atau saluran penghantaran rasmi AKKS dalam tempoh yang ditetapkan.

Spesifikasi asas seperti format video (contoh: MP4), resolusi yang sesuai serta penamaan fail hendaklah mematuhi garis panduan yang akan dimaklumkan.

b) Hak Cipta:

Segala bahan video, imej, audio dan kandungan yang dikemukakan adalah **hak cipta milik ANGKASA**. Pihak ANGKASA berhak menggunakan, menerbitkan semula, mengubah suai atau menyiarkan bahan tersebut bagi tujuan dokumentasi, promosi dan pendidikan tanpa sebarang tuntutan bayaran, dengan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pihak sekolah yang terlibat.

9.0 PENUTUP

Garis panduan ini bertujuan memastikan HKS 2026 bukan sekadar dilaksanakan sebagai acara tahunan, sebaliknya berfungsi sebagai platform pembelajaran bermakna dalam membentuk generasi muda yang menghayati nilai dan prinsip koperasi dalam kehidupan seharian. Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa yang akan dimaklumkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

**FALSAFAH KOPERASI
BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MANFAAT BERSAMA**

Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
WISMA UNGKU A. AZIZ,
JALAN SS 6/1, KELANA JAYA,
47301 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**

**(U/P: UNIT KOPERASI SEKOLAH)
SEKSYEN PENDIDIKAN, BAHAGIAN PENDIDIKAN & PERNIAGAAN
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI, ANGKASA**

Senarai Pegawai Unit Koperasi Sekolah (UKS)

BIL	NAMA	NO. TEL BIMBIT	E-MEL
1	En. Hasbullah Hamdin	012-2427233	education@angkasa.coop
2	En. Muhammad Hafifi Bin Hamdan	012-4646231	
3	Cik Noor Azlina Binti Sharif	017-6525924	
4	Cik Siti Nadratun Farhana Binti Mohd Hatta	017-2779916	
5	Samsul Bin Sarraji	016-4079410	